

10 JUL 1997

Mohamed-Panel

KEMENTERIAN PENERANGAN TUBUH PANEL PENASIHAT PENYIARAN

Oleh: Azman Hashim

WELLINGTON, 10 Julai (Bernama) -- Panel Penasihat Penyiaran akan ditubuhkan sebelum hujung tahun untuk menasihati kerajaan menetapkan standard yang perlu dipatuhi stesen-stesen penyiaran tempatan agar matlamat Wawasan 2020 untuk memajukan Malaysia mengikut acuan sendiri tercapai.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata, panel itu akan memastikan pelaksanaan Akta Penyiaran adalah selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat bermaklumat dan pada masa yang sama mengekalkan nilai-nilai murni apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

"Panel ini bukan sebuah badan kawalan. Ia merupakan penasihat kepada Menteri Penerangan mengenai kandungan rancangan yang wajar ditonjolkan agar standard penyiaran di Malaysia mampu membantu kerajaan mencapai cabaran-cabaran Wawasan 2020," katanya kepada Bernama sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan rasmi lima hari ke New Zealand.

Sebelum mengakhiri lawatan itu, Mohamed telah mengunjungi Menteri Komunikasi New Zealand, Maurice Williamson serta dua anggota Parlimen, Jonathan Hunt dan Marion Hobbs, yang bertindak sebagai jurucakap bidang penyiaran dan komunikasi bagi parti-parti pembangkang negara itu.

Hunt juga ialah Pengerusi Lembaga Standard Penyiaran (Broadcasting Standard Authority) New Zealand yang mengawasi kandungan rancangan stesen-stesen penyiaran di negara itu dalam usaha memastikan rakyat New Zealand tidak disogok dengan rancangan-rancangan yang boleh merosakkan budaya mereka.

Mohamed berkata, beliau sudahpun menerima laporan dari seminar mengenai kandungan rancangan stesen-stesen penyiaran tempatan yang diadakan awal tahun ini, termasuk cadangan penubuhan Panel Penasihat Penyiaran.

Katanya, panel itu akan diketuai seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang penyiaran dan dianggotai wakil yang ada kaitan dengan pergerakan pengguna, badan kesenian, institusi pengajian tinggi, wakil-wakil media dan pertubuhan-pertubuhan yang difikirkan boleh memberi sumbangan.

"Penubuhan panel ini juga selaras dengan dasar kerajaan yang sentiasa peka kepada kehendak rakyat. Sekarang ini sudahpun ada desakan di kalangan rakyat mengenai apa yang sesuai dan tidak sesuai disiarkan oleh televisyen.

"Ini kerana mereka yakin bahawa pembentukan perwatakan masyarakat pada masa ini dan akan datang banyak dipengaruhi oleh televisyen," katanya.

Katanya, Kementerian Penerangan akan mengkaji pengalaman negara-negara lain dalam melaksanakan standard penyiaran sebelum merumuskan pendekatan yang paling sesuai untuk Malaysia.

Mengenai pertemuannya dengan Williamson, Mohamed berkata, Menteri Komunikasi New Zealand itu menyifatkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai langkah bijak yang telah diambil oleh Malaysia kerana multimedia merupakan perniagaan masa depan.

Katanya, Williamson meminta Malaysia memberi penerangan kepada syarikat-syarikat New Zealand mengenai peluang-peluang yang wujud di dalam MSC agar mereka dapat turut serta.

"Saya telah memberitahu beliau bahawa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie akan melawat New Zealand tidak lama lagi bagi menyampaikan taklimat mengenai MSC," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Malaysia dan New Zealand bersetuju melaksanakan sepenuhnya memorandum persefahaman dalam bidang penerangan dan penyiaran antara kedua-dua negara yang telah ditandatangani semasa lawatan

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas.

Katanya, RTM akan menghantar para pegawainya ke New Zealand bagi menjalani latihan penyiaran, terutama dalam penggunaan grafik komputer serta melaksanakan program pertukaran rancangan dan membeli rancangan-rancangan televisyen yang sesuai untuk masyarakat Malaysia.

Semasa di sini, Mohamed telah melawat stesen radio "More FM" yang beroperasi secara automasi sepenuhnya, berbincang dengan syarikat Saturn Communcations yang mengendalikan perkhidmatan televisyen kabel dan berbayar serta melawat "Avalon Studios", sebuah anak syarikat Television New Zealand Limited (TVNZ).

Katanya, beliau amat tertarik dengan sistem automasi sepenuhnya yang digunakan stesen-stesen radio di New Zealand dan bercadang untuk mengkaji kemungkinan menggunakan pendekatan itu di Malaysia.

-- BERNAMA.

AH WAT